

## **Ritual perubatan tradisional etnik Bajau di Sabah: Analisis dari perspektif hukum Islam**

### **ABSTRAK**

Masyarakat Bajau merupakan salah satu etnik yang terbesar di Sabah. Majoritinya adalah beragama Islam. Mereka boleh diklasifikasikan kepada dua kelompok, iaitu etnik Bajau dari pantai timur dan etnik Bajau dari pantai barat Sabah. Masyarakat Bajau kaya dengan pelbagai khazanah warisan silam, sama ada dalam bentuk kebendaan mahupun bukan kebendaan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mendokumentasikan ritual perubatan tradisional etnik Bajau di Sabah menurut perspektif Islam sama ada selari dengan tuntutan syariat Islam ataupun sebaliknya. Kajian ini berfokus kepada ritual perubatan tradisional *magombo'* bagi etnik Bajau dari pantai timur dan ritual *ngalai* untuk etnik Bajau dari pantai barat Sabah. Populasi kajian terdiri daripada etnik Bajau yang terletak di Semporna dan Kota Belud. Pemilihan kawasan kajian ini adalah kerana majoriti etnik Bajau mendiami kawasan berkenaan. Pendekatan kualitatif dengan kaedah pemerhatian, temu bual dan dokumentasi telah digunakan untuk kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa dalam ritual perubatan tradisional *magombo'* dan *ngalai*, terdapat elemen-elemen yang bercanggah dengan hukum Islam yang menyebabkan ritual perubatan tradisional ini termasuk dalam kategori '*urf fasid*' dalam hukum Islam.